



## KEPERLUAN PERIBADI – PERLINDUNGAN UNTUK WANITA POLISI KEMALANGAN DIRI

DUTI  
SETEM  
DIBAYAR

Borang cadangan dan akuan yang diberi oleh Pemegang Polisi menjadi asas kontrak ini

Setelah menerima dan mengesahkan penerimaan premium pertama daripada Pemegang Polisi ini, dan sebarang premium berikutan dengannya, **AmG Insurance Berhad** ("Syarikat") bersetuju untuk memberikan insurans kepada Orang Yang Diinsuranskan terhadap Kecederaan Anggota disebabkan oleh Kemalangan yang dilindungi oleh Polisi ini tertakluk kepada dan selaras dengan segala pengecualian, batasan, peruntukan, terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

### PERLINDUNGAN – BATASAN WILAYAH SELURUH DUNIA

#### SEKSYEN 1

- Manfaat 1** **Kematian Akibat Kemalangan** : Skala pampasan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan.  
(berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar Kemalangan)
- Perbelanjaan Pengkebumian** : Pembayaran Sekaligus sebanyak RM3,000.00 akan dibayar sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan.
- Manfaat 2** **Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan** : Skala pampasan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan.  
(berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar Kemalangan)

#### SEKSYEN 2

- Manfaat 1** **Pembedahan Muka dan Pergigian** : Bayaran balik perbelanjaan perubatan yang bertanggung dalam tempoh 30 hari Kemalangan bagi rawatan untuk sebarang pembedahan pulih semula muka (leher ke atas) dan pembedahan pergigian dalam tempoh 24 jam dari waktu Kemalangan untuk rawatan kecederaan yang tidak disengajakan kepada gigi asli yang sihat. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- Manfaat 2** **Ragut atau Pengeluaran ATM** : Bayaran Sekaligus sebagai pampasan terhadap kerugian yang dialami Orang Yang Diinsuranskan yang disebabkan Ragut secara paksa dan pengeluaran ATM secara pemerasan dengan syarat kerugian berlaku dalam jam pertama pengeluaran itu. Had maksimum di bawah manfaat ini ada dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah hanya terhad kepada satu kejadian sepanjang tempoh insurans.
- Manfaat 3** **Manfaat Hospital** :  
(a) Pendapatan Hospital: : Elaun tunai harian sebanyak jumlah yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat, yang akan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital lebih daripada 24 jam dan tertakluk kepada maksimum 7 hari.  
Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia, elaun tunai harian boleh dibayar sehingga maksimum 12 hari.
- (b) Elaun Pemulihan : Elaun tunai 10% daripada Had Manfaat setiap hari tertakluk kepada Had Manfaat maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat boleh dibayar untuk pemulihan dari Kemalangan dalam tempoh 31 hari sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut.

### SEKSYEN 3

<b>Manfaat 1</b>	<b>Khidmat Negara</b>	:	Pembayaran balik untuk perbelanjaan perubatan jika Orang Yang Diinsuranskan mendapat Kecederaan Badan dalam sesuatu Kemalangan ketika menjalankan tugas Anda dalam Khidmat Negara. Had maksimum di bawah manfaat ini ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 2</b>	<b>Sukan atau Kembara</b>	:	Pembayaran balik perbelanjaan perubatan jika Orang Yang Diinsuranskan mendapat Kecederaan Badan dalam sesuatu Kemalangan ketika melibatkan diri dalam sebarang sukan atau aktiviti kembara yang tidak dikecualikan di bawah Polisi. Had maksimum di bawah manfaat ini ada ditetapkan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 3</b>	<b>Penjagaan Kanak-Kanak</b>	:	Pembayaran balik perbelanjaan sebenar yang bertanggung untuk mendapatkan khidmat Penjagaan Kanak-kanak atau Perkhidmatan Pengasuh sekiranya Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam Kemalangan dan akibatnya mengalami Hilang Upaya Kekal dan / atau sementara yang tidak disengajakan. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 4</b>	<b>Perkhidmatan Pembantu Rumah</b>	:	Pembayaran balik perbelanjaan sebenar yang bertanggung untuk mendapatkan khidmat Pembantu Rumah atau Penjagaan Di Rumah sekiranya Orang Yang Diinsuranskan terlibat dalam Kemalangan dan akibatnya mengalami Hilang Upaya Kekal dan/atau sementara yang tidak disengajakan. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 5</b>	<b>Cuti Untuk Pemulihan</b>	:	Elaun tunai harian sehingga RM100 setiap hari untuk pemulihan daripada Kemalangan dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan telah kehabisan hak bercuti kerjanya akibat Kecederaan Anggota yang tidak disengajakan. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 6</b>	<b>Peralatan Perubatan</b>	:	Pembayaran balik perbelanjaan sebenar yang bertanggung untuk pembelian Peralatan Perubatan yang mesti dibuktikan keperluan perubatan akibat Kecederaan Anggota yang tidak disengajakan. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
<b>Manfaat 7</b>	<b>Penjagaan Jururawat Di Rumah</b>	:	Bayaran balik perbelanjaan sebenar yang bertanggung kerana mengupah jururawat berdaftar sepenuh masa untuk meneruskan rawatan pesakit luar di rumah Orang Yang Diinsuranskan atau di rumah Penjagaan Pesakit akibat Kecederaan Anggota yang tidak disengajakan. Had maksimum di bawah manfaat ini dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

**NOTA -** Jumlah had manfaat yang tersedia untuk Seksyen 2 & 3 tidak boleh melebihi had manfaat kehidupan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat mengikut skim yang dipilih yang terperinci di dalam Jadual Polisi.

---

## DEFINISI AM

---

### KEMALANGAN

Suatu peristiwa yang terjadi secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak diduga, luar biasa dan bersifat khusus yang waktu dan tempat kejadian tidak dapat ditentukan dan tanpa sebab lain dengan sendirinya mengakibatkan Kecederaan Anggota.

### AKTIVITI KEHIDUPAN HARIAN

Bermaksud:

- (a) Pemindahan atau mobiliti - keupayaan bergerak dari sebuah bilik ke bilik yang bersebelahan atau dari satu sisi katil atau kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal orang lain.
- (b) Pengekangan kumuhan - keupayaan mengawal fungsi usus dan pundi kencing bagi mengekalkan kebersihan diri dengan kehendak sendiri.
- (c) Berpakaian - memakai dan menanggalkan kesemua pakaian tanpa memerlukan bantuan daripada orang lain.
- (d) Penggunaan Tandas - berulang-alik ke tandas, menggunakan tandas secara teratur dan menguruskan kebersihan diri yang berkaitan.
- (e) Makan - semua tindakan memasukkan makanan ke dalam badan setelah disediakan.

### UMUR

Umur pada ulang tahun kelahiran yang akan datang.

### KECEDERAAN ANGGOTA

Kecederaan anggota yang semata-mata dan secara langsung berpunca daripada keganasan, Kemalangan, cara luaran dan nyata dan tidak termasuk keuzuran, penyakit atau sebarang keadaan yang berlaku secara semula jadi atau penyakit degeneratif.

### PERKELAHIAN

Pertengkar atau pergaduhan yang riuh rendah dan sering ganas sama ada dirangsangkan atau tidak.

## **KEKECOHAN / DEMONSTRASI AWAM**

Sokongan manifestasi atau rasa tidak puas hati atau bantahan melalui perhimpunan dan perarakan awam.

## **KATEGORI ATAU PILIHAN GAYA HIDUP**

Terdapat dua pelan - Emas dan Perak dengan empat (4) pilihan manfaat hidup yang berbeza, yang mencerminkan gaya hidup yang dipilih oleh Orang Yang Diinsuranskan .

## **PAKAR BEDAH KOSMETIK**

Seseorang yang diberi lesen atau didaftarkan untuk menjalankan amalan pembedahan kosmetik dalam ruang litup geografi perkhidmatan yang disediakan, tetapi tidak termasuk Pakar Bedah kosmetik yang merupakan ahli keluarga atau keluarga terdekat Anda.

## **DOKTOR GIGI**

Seseorang yang diberi lesen atau didaftarkan untuk menjalankan amalan ilmu pergigian dalam ruang litup geografi perkhidmatan yang disediakan, tetapi tidak termasuk Doktor Gigi yang merupakan ahli keluarga atau keluarga terdekat Anda.

## **PUTUS ANGGOTA BADAN**

Kehilangan kekal secara fizikal iaitu putus tangan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki pada atau di atas buku lali, dan termasuk kehilangan kekal dan tidak boleh pulih lagi penggunaan tangan, lengan atau kaki.

## **TARIKH KUATKUASA**

Tarikh yang dinyatakan dalam Jadual bagi permulaan insurans bawah Polisi ini.

## **PENGENDORSAN**

Bukti bertulis terhadap perubahan dalam Polisi yang telah dipersetujui.

## **HOSPITAL**

Bermaksud hanya pertubuhan yang sempurna ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang cedera sebagai pesakit katil berbayar, dan yang: -

- (a) Mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama,
- (b) Menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam sehari oleh jururawat berdaftar dan berkeelayakan,
- (c) Di bawah penyeliaan Pakar Perubatan, dan
- (d) Bukan lebih merupakan sebuah klinik; tempat untuk memulihkan pemabuk atau penagih dadah; rumah jagaan kejururawatan, rumah kerehatan atau rumah pemulihan atau rumah bagi orang tua atau pertubuhan yang serupa dengannya.

## **DIMASUKKAN KE HOSPITAL /MASUK HOSPITAL**

Disebabkan sesuatu kemalangan Orang Yang Diinsuranskan perlu menjalani sebarang pembedahan atau rawatan yang memerlukan dia tinggal lebih daripada 24 jam di sesebuah tempat kemudahan perubatan atau hospital.

## **KELUARGA TERDEKAT**

Pasangan yang sah disisi undang-undang, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik Orang Yang Diinsuranskan

## **PENANGGUNG INSURANS ATAU SYARIKAT ATAU KAMI ATAU KITA**

AmG Insurance Berhad.

## **ORANG YANG DIINSURANSKAN ATAU ANDA**

Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan dalam Jadual, yang menetap di Malaysia.

## **MANFAAT KEHIDUPAN**

Bermaksud manfaat yang kena dibayar di bawah Seksyen 2 dan Seksyen 3.dalam perlindungan Polisi.

## **HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA**

Bermaksud hospital yang mengenakan caj perkhidmatan tertakluk kepada Akta Fi 1951 (Perubatan) 1982 dan / atau pindaan berikutnya jika ada.

## **KEPERLUAN PERUBATAN**

Bermaksud suatu perkhidmatan perubatan yang: -

- (a) selaras dengan diagnosis dan amalan rawatan perubatan biasa bagi Hilang Upaya yang dilindungi, dan
- (b) mengikut piawaian amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawaian semasa rawatan penjagaan perubatan professional, dan manfaat perubatan yang telah terbukti, dan
- (c) bukan untuk kemudahan Orang Yang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak boleh serta tidak munasabah yang dibenarkan keluar dari hospital (jika diterima sebagai pesakit), dan
- (d) bukannya bersifat sesuatu percubaan, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau bersifat pengimbasan, yang mana caj-caj adalah adil dan munasabah dan biasa bagi Kehilangan Upaya.

## **PENGAMAL PERUBATAN**

Bermaksud seorang doktor berdaftar, pakar perubatan atau pakar bedah yang berkelayakan dan berlesen untuk menjalankan amalan perubatan barat dan yang, dalam memberi rawatan sedemikian, menjalankan amalan dalam skop perlesenan dan latihannya dalam ruang litup geografi amalan yang dilakukan dan mestilah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia atau organisasi yang serupa di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk seseorang Pengamal Perubatan iaitu Anda sendiri atau Ahli Keluarga Anda yang Terdekat.

## **PEKERJAAN**

Pekerjaan sepenuh masa / atau sambilan Orang Yang Diinsuranskan dan / atau apa-apa kerja yang lain bagi apa-apa saraan atau keuntungan yang mana Orang Yang Diinsuranskan layak untuk berbuat demikian berdasarkan pengetahuan dan / atau latihan.

## **PESAKIT LUAR**

Orang Yang Diinsuranskan mendapat penjagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke hospital dan termasuk rawatan di Pusat Jagaan Harian.

## **PEMEGANG POLISI**

Bermaksud seseorang atau sesebuah badan korporat yang dikeluarkan Polisi untuknya berhubung dengan perlindungan bagi mereka yang dikenalpasti secara tertentu sebagai Nama Orang Yang Diinsuranskan dalam Polisi ini.

## **TEMPOH INSURANS**

Bermaksud tempoh perlindungan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

## **CAJ YANG MUNASABAH DAN BIASA**

Untuk penjagaan perubatan yang perlu dari segi perubatan hendaklah dianggap munasabah dan biasa sehingga ke tahap bahawa ia tidak melebihi tahap umum caj yang dibuat oleh orang lain kedudukan yang sama di lokasi di mana caj itu tertanggung, apabila menyediakan rawatan yang serupa atau sepertinya, perkhidmatan atau bekalan kepada individu daripada jantina yang sama dan Umur yang setanding untuk kecederaan yang sama dan selaras dengan standard perubatan yang diterima dan amalan tidak dapat ditinggalkan tanpa menjejaskan dengan berkesan keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan.

## **ELAUN PEMULIHAN**

Bermaksud elaun tunai yang dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk pulih daripada sesuatu kemalangan.

## **PEMBAHARUAN ATAU POLISI DIPERBAHARUI**

Bermaksud Polisi yang telah diperbaharui tanpa luput masa selepas tamat Polisi sebelumnya dengan kandungan yang sama.

## **RUSUHAN**

Gangguan keamanan oleh beberapa orang, berkumpul dan bertindak dengan niat yang sama dalam melaksanakan satu tindakan yang sah di sisi undang-undang atau yang menyalahi undang-undang secara ganas dan menimbulkan huru-hara.

## **JADUAL**

Jadual yang dilampirkan dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini.

## **PAKAR**

Bermaksud seseorang pengamal perubatan atau pergigian berdaftar dan berlesen yang menjalankan amalannya di dalam ruang litup geografi di mana rawatan berlaku dan yang dikelaskan oleh pihak berkuasa kesihatan tertentu sebagai seorang yang mempunyai kepakaran yang tinggi, khas dan diiktiraf oleh badan kerajaan seperti dinyatakan dalam bidang perubatan atau Pergigian, tetapi tidak seseorang Pakar iaitu Anda sendiri atau Ahli Keluarga Anda yang Terdekat.

## **MOGOK**

Keengganan bersepadu para pekerja untuk melaksanakan kerja yang telah diberikan pihak majikan kepada mereka untuk memaksa majikan memberikan konsesi tertentu yang dituntut, seperti peningkatan upah atau keadaan pekerjaan yang lebih baik.

## JUMLAH DIINSURANSKAN

Bermaksud had liabiliti Kami di bawah insurans ini.

## PENYERTAAN SELAMAT DAN NORMAL

Bermaksud seperti berikut: -

- Orang Yang Diinsuranskan adalah secara munasabah sesuai dan layak untuk mengambil bahagian;
- Orang Yang Diinsuranskan mematuhi notis amaran bahaya tempatan atau keadaan cuaca yang buruk;
- Orang Yang Diinsuranskan mengambil bahagian di kawasan yang selamat dan / atau kawasan-kawasan yang diliputi oleh kemudahan penyelamat;
- Orang Yang Diinsuranskan mempunyai kelayakan atau lesen yang diperlukan untuk mengambil bahagian;
- Orang Yang Diinsuranskan memakai segala pakaian dan penutup kepala sebagai perlindungan dan mematuhi prosedur keselamatan yang biasa untuk sukan atau aktiviti. Dalam apa jua keadaan, Orang Yang Diinsuranskan dikehendaki memakai topi keledar keras apabila terdedah kepada projectiles, atau ketika menunggang kenderaan atau haiwan, atau apabila melakukan perjalanan laju, atau untuk aktiviti udara, dan memakai peralatan pengapungan peribadi untuk sukan air. Semua penyelam mestilah ditemani seseorang Pengajar Penyelam yang berkelayakan, kecuali dalam keadaan di mana mereka sendiri berkelayakan untuk menyelam tanpa pengajar, dan dalam hal ini penyelaman mestilah bersaman seorang teman di atas asas "buddy pair".

Selain daripada itu, perlindungan untuk penyertaan yang selamat dan normal disediakan atas syarat-syarat asas tertentu bagi aktiviti-aktiviti individu seperti berikut:

- Orang Yang Diinsuranskan ditemani, atau dalam pengawasan oleh seorang pengajar atau pemandu yang berpengalaman dan / atau berkelayakan sesuai.
- Orang Yang Diinsuranskan diselia dengan sempurna, mengambil bahagian dalam sesuatu acara yang dianjurkan, perlawanan, permainan, sesi atau peristiwa yang terkelola dengan teratur.
- Orang Yang Diinsuranskan menggunakan kemudahan semulajadi atau yang dibina mengikut keperluan yang diluluskan untuk penggunaan aktiviti oleh pihak berkuasa kawalselia tempatan atau nasional.

## HILANG UPAYA SEMENTARA

Bermaksud sesuatu keadaan ketidakupayaan akibat daripada Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Anggota yang secara sementara menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada terlibat dalam sebahagian besar pekerjaannya.

## JUMLAH HAD TAHUNAN

Bermaksud jumlah maksimum yang kena dibayar akibat Kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan. Ia adalah jumlah had manfaat di bawah Seksyen 1 (Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan Sepenuhnya) dan Manfaat Kehidupan.

---

## PERIHAL MANFAAT

---

### KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kematian yang timbul daripada Kecederaan Anggota

### HILANG UPAYA KEKAL DAN PUTUS ANGGOTA BADAN

Hilang upaya dan putus anggota badan seperti ditetapkan dalam Jadual Manfaat.

### HILANG UPAYA KEKAL DAN PUTUS ANGGOTA BADAN SEPENUHNYA

Orang Yang Diinsuranskan adalah dalam keadaan tidak berkupayaan akibat daripada Kecederaan Anggota yang menyebabkannya hilang upaya kekal dan sepenuhnya daripada melakukan sebarang jenis pekerjaan yang menguntungkan Ini termasuk keadaan dimana Orang Yang Diinsuranskan yang kekal terlantar di katil dan lumpuh sepenuhnya.

### PEMBEDAHAN MUKA DAN PERGIGIAN

Bayaran balik Caj Yang Munasabah Dan Biasa yang dikenakan oleh seseorang Pakar Bedah Kosmetik berdaftar yang sah atau sesebuah klinik atau hospital dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada waktu Kemalangan untuk rawatan pembedahan pulih semula muka disebabkan Kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal (termasukserangan asid) dengan syarat pembedahan pemulihan diperakukan seseorang Pakar Bedah Kosmetik berlesen. Pembedahan pulih semula muka meliputi muka (leher ke atas). Rawatan susulan oleh pakar bedah yang sama atau klinik atau hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan sama yang tidak disengajakan akan diberi sehingga untuk tempoh seperti yang tertera dalam Jadual Manfaat dan tertakluk kepada had manfaat seperti yang tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini tidak boleh dibayar terhadap kerosakan yang disebabkan pembedahan muka yang sengaja dilakukan.

Bayaran balik Caj Yang Munasabah Dan Biasa yang dikenakan oleh seseorang Doktor Gigi berdaftar yang sah atau sesebuah klinik pergigian atau hospital dalam tempoh dua puluh empat (24) jam daripada waktu Kemalangan untuk rawatan kecederaan yang tidak disengajakan terhadap gigi asli yang sihat. Perkhidmatan pemulihan, periodontal, orthodontal dan prosthodontal tidak termasuk dalam perlindungan. Rawatan susulan oleh Doktor Gigi yang sama atau klinik atau hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan yang sama yang tidak disengajakan terhadap gigi asli yang sihat akan diberikan sehingga tempoh seperti yang tertera dalam Jadual Polisi dan tertakluk kepada had manfaat seperti yang tertera dalam Jadual Manfaat.

### RAGUT / PENGELUARAN ATM

Bayaran sekaligus sebagai pampasan atas kerugian yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan:

- Ragut dengan menggunakan kekerasan fizikal terhadap Orang Yang Diinsuranskan.
- Pengeluaran ATM secara pemerasan yang berlaku dalam jam pertama pengeluaran tunai dan Orang Yang Diinsuranskan perlu membuktikan transaksi pengeluaran.

Had maksimum bayaran sekaligus seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada satu peristiwa dalam tempoh insurans. Apabila membuat tuntutan, satu laporan polis diperlukan yang termasuk didalamnya butir-butir pemerasan dan paksaan fizikal serta ugutan terhadap Orang Yang Diinsuranskan.

Manfaat ini tidak akan dibayar bagi apa-apa kos tertanggung untuk rawatan trauma emosi kepada Orang Yang Diinsuranskan.

#### **PENDAPATAN HOSPITAL**

Elaun tunai harian seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat hendaklah dibayar sehingga maksimum tujuh (7) hari, jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk lebih daripada dua puluh empat (24) jam. Jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam sesebuah Hospital Kerajaan Malaysia, elaun tunai harian akan dibayar sehingga maksimum dua belas (12) hari. Manfaat ini akan dibayar tanpa mengira apa-apa pelan pendapatan Hospital yang dibeli oleh Pemegang Polisi.

#### **ELAUN PEMULIHAN**

Bayaran balik 10% daripada Had Manfaat setiap hari tertakluk kepada Had Manfaat maksimum seperti yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat boleh dibayar untuk pemulihan daripada sesuatu kemalangan dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari sebaik sahaja keluar dari Hospital.

Elaun tunai ini hanya akan dibayar dengan syarat Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut.

#### **PERBELANJAAN PENGKEBUMIHAN**

Bayaran sekaligus seperti ditetapkan dalam Jadual Manfaat terhadap kehilangan nyawa Orang Yang Diinsuranskan akibat Kemalangan.

#### **KHIDMAT NEGARA**

Bayaran balik caj harian biasa dan munasabah Pengamal Perubatan atau klinik atau hospital yang sah disisi undang-undang untuk rawatan kecederaan yang tidak disengajakan ketika Orang Yang Diinsuranskan berkhidmat sebagai pelatih Khidmat Negara. Manfaat ini akan melindungi Orang Yang Diinsuranskan mengikut satu tarikh yang dinyatakan pada notis pelantikan dan tamat apabila pelatih selesai menjalani sesi latihan. Sekiranya Orang yang Diinsuranskan berada ditempat lain (iaitu bercuti) ketika sesi latihan, tiada sebarang manfaat akan dibayar. Orang Yang Diinsuranskan sebagai pemberi khidmat di bawah kontrak / perkhidmatan dengan pihak berkuasa Khidmat Negara tidak layak menerima manfaat ini. Jumlah manfaat yang boleh dibayar ditetapkan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup A.

#### **KHIDMAT PEMBANTU RUMAH**

Bayaran balik perbelanjaan sebenar perkhidmatan pembantu rumah yang diberikan oleh Agensi Pembekal Khidmat Pembantu Rumah berlesen, yang sah di sisi undang-undang, yang bertanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh sesuatu Kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal dan/atau sementara. Jumlah Manfaat yang boleh dibayar adalah seperti yang tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini termasuk perbelanjaan khidmat sepenuh masa seseorang pembantu rumah satu yang diambil secara sah di sisi undang-undang bagi perkhidmatan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang memerlukannya dari segi perubatan dan yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merawat Orang Yang Diinsuranskan untuk rawatan yang berterusan di rumahnya bagi sesuatu keadaan perubatan tertentu yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital akibat sesuatu Kemalangan. Manfaat ini masih boleh dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan telah terlibat dengan pembekal khidmat pembantu rumah sebelum ke sebarang Kemalangan dan ini termasuk khidmat pembantu rumah sambil tertakluk kepada sekurang-kurangnya dua (2) waktu bekerja. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup B dan Pakej Gaya Hidup C. Bil-bil, resit-resit kontrak pekerjaan dan permit kerja pembantu rumah yang asal merupakan dokumen yang dikehendaki dikemukakan kepada pihak Syarikat untuk pemprosesan tuntutan.

#### **SUKAN / KEMBARA**

Bayaran balik caj harian Yang Munasabah Dan Biasa Pengamal Perubatan atau klinik atau hospital berdaftar yang sah disisi undang-undang untuk rawatan kecederaan yang tidak disengajakan ketika Orang Yang Diinsuranskan menyertai sukan dan aktiviti sebagai seorang amatir dan tertakluk kepada "selamat dan normal". Sebarang kecederaan yang tidak disengajakan akibat sukan / aktiviti ketika menjalani Khidmat Negara tidak akan dilindungi di bawah manfaat ini. Jumlah manfaat yang boleh dibayar adalah seperti tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup A.

#### **PENJAGAAN KANAK-KANAK**

Bayaran balik perbelanjaan sebenar penjagaan kanak-kanak / perkhidmatan asuhan anak diberikan bagi anak-anak Orang Yang Diinsuranskan oleh Pusat Jagaan Harian Kanak-kanak berlesen yang sah di sisi undang-undang yang bertanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan sesuatu Kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal dan/atau sementara. Jumlah manfaat yang boleh dibayar adalah seperti tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini masih boleh dibayar jika anak-anak Orang Yang Diinsuranskan telah pun didaftarkan di sesebuah Pusat Jagaan Harian Kanak-Kanak Hari sebelum berlaku sebarang Kemalangan tetapi tidak termasuk perbelanjaan bagi mana-mana kanak-kanak melebihi Umur enam belas (16) tahun. Manfaat ini terhad kepada Pakej Gaya Hidup B. Bil-bil, dan resit-resit asal merupakan dokumen yang dikehendaki dikemukakan kepada pihak Syarikat untuk pemprosesan tuntutan.

#### **CUTI UNTUK PEMULIHAN**

Elaun tunai harian sebanyak RM100.00 sehari sehingga had jumlah manfaat seperti tertera dalam Jadual Manfaat untuk pulih daripada sesuatu Kemalangan. Manfaat ini hanya boleh dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah kehabisan hak bercuti berbayar pekerjaannya, manfaat cuti sakit dan manfaat Kemasukan Hospital daripada mana-mana pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan sebelum berlaku Kemalangan itu. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup C. Pengesahan bertulis daripada seorang Pengamal Perubatan yang menyatakan keperluan Orang Yang Diinsuranskan berehat di rumah untuk pulih daripada sesuatu kecederaan yang tidak disengajakan berserta dengan surat rasmi daripada Jabatan Sumber Manusia yang mengesahkan manfaat cuti yang layak diterima merupakan dokumen perlu yang dikemukakan kepada Syarikat untuk pemprosesan tuntutan.

Jika Orang Yang Diinsuranskan bekerja sendiri, kiraan hari bermula selepas 60 hari berdasarkan cuti sakit yang diberikan oleh Doktor dan RM100 sehari boleh dibayar sehingga had jumlah manfaat seperti tertera dalam Jadual Manfaat untuk pulih daripada sesuatu Kemalangan. Pengesahan bertulis daripada seorang Pengamal Perubatan yang menyatakan keperluan Orang Yang Diinsuranskan berehat di rumah untuk pulih daripada sesuatu kecederaan yang tidak disengajakan dan bilangan hari rehat berserta bukti dokumen pendapatan bekerja sendiri (contoh borang Cukai Pendapatan, penyata komisen, lesen perniagaan) adalah merupakan dokumen perlu yang dikemukakan kepada Syarikat untuk pemprosesan tuntutan. Pihak Syarikat hendaklah mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa Orang Yang Diinsuranskan oleh seorang Doktor panel untuk mengesahkan semula keperluan perubatan Orang Yang Diinsuranskan dengans perbelanjaannya Syarikat sendiri selagi tidak dilarang oleh undang-undang.

#### **PERALATAN PERUBATAN**

Bayaran balik perbelanjaan sebenar yang bertanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan disebabkan sesuatu Kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal dan/ atau sementara bagi pembelian peralatan perubatan dan/atau pemaifasan. Jumlah Manfaat yang boleh dibayar adalah seperti tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup D.

Pengesahan bertulis daripada seorang Doktor Perubatan menyatakan keperluan Peralatan Perubatan untuk membantu Orang Yang Diinsuranskan dalam menjalani aktiviti hidup harian berserta bil dan resit asal adalah merupakan dokumen perlu yang dikemukakan kepada Syarikat untuk pemprosesan tuntutan. Manfaat ini hanya boleh kepada penderitaan Orang Yang Diinsuranskan yang menanggung derita hilang keupayaan yang memerlukan penggunaan peralatan perubatan sepertimana disahkan oleh Doktor Perubatan.

Peralatan pernafasan yang terdiri daripada ventilator tekanan saluran pernafasan bi-positif / tekanan saluran udara positif berterusan, inhaler, nebulizer, silinder oksigen dan concentrator oksigen. Peralatan perubatan yang terdiri daripada anggota palsu, alat bantu keselamatan bilik air, takungan air kencing, monitor tekanan darah, meter kolesterol, commode, mesin dialisis, drip stand, glucometer, katil Hospital, pendakap / splin ortopedik, meja rentas katil, lif pesakit, oxymeter nadi, tilam berombak, stetoskop, mesin sedutan, palang trapez, alat bantuan berjalan, skrin wad dan kerusi roda.

#### **PENJAGAAN KEJURURAWATAN**

Bayaran balik caj harian Yang Munasabah Dan Biasa bagi khidmat sepenuh masa seorang jururawat berdaftar untuk perkhidmatan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang perlu dari segi perubatan dan ditetapkan oleh Pakar Perubatan atau Pakar Bedah yang merawat Orang Yang Diinsuranskan untuk rawatan yang berterusan di rumahnya/Rumah Jagaan bagi sesuatu keadaan perubatan tertentu yang mana Orang Yang Diinsuranskan telah dimasukkan ke hospital akibat sesuatu Kemalangan. Khidmat Aktiviti Kehidupan Harian yang tidak perlu dari segi perubatan tidak akan dibayar. Jumlah manfaat yang boleh dibayar adalah seperti tertera dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini adalah terhad kepada Pakej Gaya Hidup D. Walau bagaimanapun Orang Yang Diinsuranskan perlu memberikan bukti, tentang kos dan perbelanjaan, penerusan keperluan sedemikian, jika diminta oleh pihak Syarikat.

---

### **PERUNTUKAN KHAS**

---

#### **GIGITAN SERANGGA DAN PATUKAN ULAR**

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Kematian atau Kecederaan Anggota akibat kemalangan yang disebabkan gigitan serangga dan patukan ular (tidak termasuk Kematian / Kecederaan Anggota yang disebabkan oleh penyakit kecuali disebabkan oleh malaria, demam denggi dan demam Chikugunya).

## JADUAL MANFAAT

### RUMUSAN JADUAL

	KATOGERI (Jumlah Modal Diinsuranskan)							
	Gaya Hidup A		Gaya Hidup B		Gaya Hidup C		Gaya Hidup D	
	Perak	Emas	Perak	Emas	Perak	Emas	Perak	Emas
<b>Seksyen 1</b>								
Kematian Akibat Kemalangan	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000
Perbelanjaan Pengkebumian	RM3,000	RM3,000	RM3,000	RM3,000	RM3,000	RM3,000	RM3,000	RM3,000
Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000	RM100,000	RM200,000
Had Manfaat setiap peristiwa								
<b>Seksyen 2</b>								
Pembedahan Muka & Pergigian	RM5,000	RM10,000	RM5,000	RM10,000	RM5,000	RM10,000	RM5,000	RM10,000
Ragut/Pengeluaran ATM	RM750	RM1,500	RM750	RM1,500	RM750	RM1,500	RM750	RM1,500
Manfaat Hospital : -								
Pendapatan Hospital	RM100	RM200	RM100	RM200	RM100	RM200	RM100	RM200
Elaun Pemulihan	RM1,000	RM2,000	RM1,000	RM2,000	RM1,000	RM2,000	RM1,000	RM2,000
<b>Seksyen 3</b>								
Khidmat Negara	RM5,000	RM8,000	-	-	-	-	-	-
Sukan/Kembara	RM5,000	RM8,000	-	-	-	-	-	-
Penjagaan Anak	-	-	RM5,000	RM8,000	-	-	-	-
Perkhidmatan Pembantu Rumah	-	-	RM5,000	RM8,000	RM5,000	RM8,000	-	-
Cuti untuk Pemulihan	-	-	-	-	RM5,000	RM8,000	-	-
Peralatan Perubatan	-	-	-	-	-	-	RM5,000	RM8,000
Penjagaan Kejururawatan	-	-	-	-	-	-	RM5,000	RM8,000
<b>Had Seksyen 3</b>	RM10,000	RM16,000	RM10,000	RM16,000	RM10,000	RM16,000	RM10,000	RM16,000
<b>Manfaat Kehidupan (Seksyen 2+3)</b>	RM50,000	RM100,000	RM50,000	RM100,000	RM50,000	RM100,000	RM50,000	RM100,000

## Seksyen 1

		% daripada Jumlah Modal Diinsuranskan
Manfaat 1	<b>KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN</b> (berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar kemalangan)	100%
Manfaat 2	<b>HILANG UPAYA KEKAL dan PUTUS ANGGOTA BADAN</b> (berlaku dalam tempoh masa dua belas bulan kalendar kemalangan)	
	Kehilangan dua anggota badan	100%
	Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
	Kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua belah mata	100%
	Lumpuh sepenuhnya	100%
	Kecederaan menyebabkan kekal tertantar di katil	100%
	Sebarang kecederaan menyebabkan hilang upaya kekal sepenuhnya	100%
	Kehilangan lengan dari bahu	100%
	Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%
	Kehilangan lengan dari siku	100%
	Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan tangan di pergelangan tangan	100%
	Kehilangan Kaki	
	- pada pinggul	100%
	- di antara lutut dan pinggul	100%
	- di bawah lutut	100%
	Kehilangan mata	
	- keseluruhan mata	100%
	- seluruh penglihatan pada sebelah mata, kecuali daya penglihatan cahaya	50%
	- kanta sebelah mata	50%
	Kehilangan empat Jari (tidak termasuk ibu jari)	40%
	Kehilangan ibu jari	
	- kedua-dua ruas	30%
	- satu ruas	15%
	Kehilangan jari telunjuk	
	- tiga ruas	15%
	- dua ruas	10%
	- satu ruas	5%
	Kehilangan jari tengah	
	- tiga ruas	8%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari manis	
	- tiga ruas	6%
	- dua ruas	5%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan jari kelingking	
	- tiga ruas	5%
	- dua ruas	4%
	- satu ruas	3%
	Kehilangan tulang metacarpus	
	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
	Kehilangan jari kaki	
	- semua	20%
	- ibu jari kaki, kedua-dua ruas	8%
	- ibu jari kaki, satu ruas	3%
	- Selain daripada ibu jari kaki, sekiranya kehilangan lebih daripada satu jari kaki pada setiap kaki	2%
	Kehilangan pertuturan & pendengaran yang kekal	100%
	Kehilangan pendengaran	
	- kedua-dua telinga	75%
	- sebelah telinga	25%
	Kehilangan pertuturan	50%
	Keretakan tulang kaki atau patella yang kekal tidak bercantum selepas 26 minggu dari tarikh Kemalangan	10%
	Pemendekkan lengan	
	- lebih daripada 1 inci sehingga 2 inci	2.5%
	- lebih daripada 2 inci sehingga 4 inci	5%
	- lebih daripada 4 inci	12.5%
	Pemendekkan Kaki	
	- lebih daripada 1 inci sehingga 2 inci	5%
	- lebih daripada 2 inci sehingga 4 inci	10%
	- lebih daripada 4 inci	25%

### Nota:

- 1) Tahap pemendekkan anggota badan mestilah disahkan oleh laporan perubatan pakar.
- 2) Sekiranya kecederaan tidak dapat dipastikan, Syarikat mempunyai hak untuk menetapkan Peratusan ketidakupayaan itu yang pada pendapat kami bukan tidak konsisten dengan peruntukan Jadual Manfaat di atas.
- 3) Kehilangan kegunaan anggota badan secara kekal dan menyeluruh hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota badan. Kehilangan daya pertuturan hendaklah bermaksud ketidakupayaan kekal dan menyeluruh untuk bertutur secara lisan.
- 4) Manfaat yang dibayar dalam perkara Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan akibat Kemalangan adalah Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi. Kesemua manfaat yang boleh dibayar dalam keadaan Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan berhubung dengan sesuatu kemalangan hendaklah tidak melebihi 100% Jumlah Modal Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika 100% Jumlah Modal Diinsuranskan dibayar semasa tempoh Polisi ini, maka kesemua insurans yang wujud di bawah Polisi ini akan tamat serta-merta. Kesemua kerugian lain yang kurang daripada 100% Jumlah Modal Diinsuranskan sekiranya dibayar hendaklah mengurangkan perlindungan dengan jumlah itu dari tarikh Kemalangan sehingga luput tamat Polisi ini

- 5) Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan Sepenuhnya akibat sesuatu Kemalangan, suatu manfaat tambahan di bawah Had Seksyen 3 akan dibayar penuh kepada waris terdekat Orang Yang Diinsuranskan atau penama yang dinamakan, dengan syarat manfaat Seksyen 3 tidak dituntut belum pernah dituntut dalam tahun Polisi. Jika terdapat tuntutan dalam tempoh tahun Polisi, manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 3 akan berkurangan mengikut kadar yang sesuai had yang masih ada dalam subseksyen.
- 6) Manfaat kehidupan bagi setiap pelan termasuk manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 2 dan Seksyen 3. Ia boleh dibayar berkeenaan dengan perbelanjaan yang bertanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat sesuatu Kemalangan dalam Tempoh Insurans dan hendaklah terhad kepada Had Manfaat kehidupan. Sekiranya Had Manfaat Kehidupan telah dibayar, semua insurans untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah Manfaat Kehidupan di bawah ini hendaklah dengan serta-merta terhenti daripada kena dibayar bagi tahun Polisi yang masih ada.
- 7) Jumlah Tuntutan Agregat yang kena dibayar di bawah polisi ini dalam tahun Polisi hendaklah merupakan Jumlah Had Tahunan.

---

## PENGECUALIAN AM

---

Polisi ini tidak melindungi Kematian atau sebarang kecederaan / hilang upaya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:

1. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, dahagi atau rampasan kuasa, kebangkitan ketenteraan atau orang ramai, mogok, rusuhan, kekecohan atau demonstrasi awam.
2. Bunuh diri atau sebarang percubaan ancaman (sama ada waras atau tidak waras), kecederaan diri sendiri yang disengajakan.
3. Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit termasuk "Japanese Encephalitis" dan Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC).
4. Bersalin, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi daripadanya.
5. Pembunuhan atau serangan yang didorongkan amarah.
6. Ketika dalam perjalanan di dalam sebuah pesawat atau kapal sebagai ahli krew, melainkan hanya sebagai seorang penumpang berbayar di dalam sebuah pesawat atau kapal berlesen bagi perkhidmatan penumpang.
7. Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.
8. Ketika menyertai sebarang sukan profesional.
9. Orang Yang Diinsuranskan terbabit atau menyertai aktiviti atau sukan yang berbahaya seperti sebarang sukan meluncur musim sejuk, pendakian gunung atau batu (yang melibatkan penggunaan tali atau panduan), penerokaan gua, menyelam, penerjunan payung terjun, aktiviti-aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan alat bantuan pernafasan dalam air, perlumbaan berhalangan, pemburuan besar-besaran atau memburu. Pengecualian ini tidak terpakai pada Pakej Gaya Hidup A.
10. Perlumbaan (selain daripada dengan menggunakan kaki), ujian kederasan kelajuan atau kebolehpercayaan laluan jejak.
11. Menunggang / memandu tanpa lesen memandu yang sah.
12. Ketika melibatkan diri di dalam pergaduhan.
13.
  - a) Asbestos, atau
  - b) Sebarang kebenaran atau dakwaan terhadap kecederaan berkaitan asbestos atau kerosakan yang melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, perpindahan, penghapusan atau penghindaran asbestos atau lpendedahan atau potensi lpendedahan kepada asbestos.
14.
  - a) Radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuclear atau sebarang sisa bahan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuclear.
  - b) Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemar lain daripada sebarang pemasangan nuklear, reaktor atau himpunan nuklear yang lain atau komponen nuklear daripadanya.
  - c) Sebarang senjata peperangan yang menggunakan pembelahan atom atau nuklear dan/atau cantuman atau tindakbalas lain atau kuasa radioaktif atau jirim seumpamanya.
15. Sebarang tindakan keganasan. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman daripada itu, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, melakukannya untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi, atau tujuan yang serupa termasuklah dengan tujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam, atau mana-mana golongan orang awam berada dalam ketakutan.
16. Sebarang kecacatan/kelemahan fizikal sedia ada/apa-apa keuzuran, penyakit atau apa-apa penyakit sekalipun.

---

## PENGECUALIAN PEKERJAAN

---

Bagi Orang Yang Diinsuranskan yang bekerja sebagai atau melakukan mana-mana jenis Pekerjaan yang disenaraikan di bawah (sama ada secara sementara atau tetap), tiada manfaat akan dibayar di bawah polisi ini untuk Kecederaan Anggota semasa melakukan pekerjaan sedemikian:-

Pelumba, ahli sukan profesional, kelasi, pembalok, pekerja pesisir pantai, ahli pesawat udara, nelayan, joki kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, krew kapal, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah kargo, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah/pelombong, ahli angkatan bersenjata, perkhidmatan dan operasi tentera laut atau tentera udara, anggota polis dan perkhidmatan penyelamat.

---

### SYARAT-SYARAT AM

---

#### 1. PINDAAN

Syarikat mempunyai hak untuk meminda terma dan syarat Polisi ini dan pindaan sedemikian terhadap Polisi ini adalah sah jika diberikuasa oleh Syarikat dan diendorskan pada dokumen ini. Syarikat hendaklah memberi notis bertulis kepada Pemegang polisi mengikut alamat terakhir yang direkod untuk apa-apa pindaan yang dibuat.

#### 2. UNDANG-UNDANG TERPAKAI

Polisi ini dan semua hak, obligasi dan liabiliti yang timbul dibawah dokumen ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap dokumen ini.

#### 3. TIMBANGTARA

Semua pertikaian yang berbangkit daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertikai. Jika mereka tidak mendapat kata sepakat tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam masa satu (1) bulan setelah diperlukan secara bertulis untuk berbuat sedemikian maka kedua-dua pihak hendaklah berhak melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang hendaklah meneruskan pendengaran tentang pertikaian itu bersama seorang Wasit yang akan Kami dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Walau bagaimanapun, dengan syarat bahawa sebarang penolakan liabiliti oleh Kami untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini mestilah dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan sedemikian.

#### 4. PERUBAHAN KEADAAN ANDA

Anda hendaklah memberitahu Kami secepat mungkin secara bertulis sebarang perubahan keadaan Orang Yang Diinsuranskan yang boleh menjejaskan insurans ini.

#### 5. PERUBAHAN SKIM / GAYA HIDUP PILIHAN

Orang Yang Diinsuranskan dibenarkan untuk menukar ke pelan manfaat kehidupan yang berbeza semasa pembaharuan / ulang tahun Polisi. Tiada penukaran dibenarkan sepanjang tempoh polisi.

#### 6. TUNTUTAN

- (a) Notis Kecederaan atas mana tuntutan dibuat dan dilindungi oleh Polisi ini, mestilah diberi secara bertulis kepada Kami dalam masa 14 hari selepas kejadian. Kami, sebaik menerima notis sedemikian akan memberikan borang tuntutan kepada Anda supaya bukti tuntutan difailkan.
- (b) Sekiranya berlaku kematian, notis yang munasabah hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dan Kami mungkin akan membuat permohonan untuk hadir pada bedah siasat atau pemeriksaan mayat Orang Yang Diinsuranskan. Kami mempunyai hak dan peluang untuk menjalankan autopsi dengan perbelanjaan ditanggung oleh Kami jika ianya tidak dilarang oleh undang-undang. Notis serta-merta tentang masa dan tempat mana-mana siasatan kematian yang telah ditentukan akan diberikan kepada Kami.

Kesemua sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah diberikan oleh Anda atau wakil peribadi sah Anda dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditentukan oleh Kami.

#### 7. SYARAT SEBELUM TANGGUGAN DITERIMA

Mematuhi dan memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dengan wajar setakat ianya berkaitan dengan perkara yang patut atau tidak patut dilakukan oleh Anda atau Wakil Peribadi Sah Orang Yang Diinsuranskan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

#### 8. TEMPOH BERTENANG

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab Orang Yang Diinsuranskan telah memutuskan tidak mahu mengambil Polisi, Anda boleh mengembalikan Polisi kepada Kami untuk pembatalan dengan syarat permintaan untuk pembatalan diserahkan oleh Anda kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Polisi. Anda berhak k mendapat kembali premium telah dibayar sepenuhnya.

#### 9. HAD UMUR MASUK

Umur kemasukkan pertama Orang Yang Diinsuranskan dibawah Polisi ini hendaklah diantara enam belas (16) tahun dan enam puluh lima (65) tahun.

#### 10. PERNYATAAN SILAP ATAU PENINGGALAN FAKTA PENTING

Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang pernyataan silap atau jika sesuatu fakta penting telah tertinggal daripada Borang Cadangan. Menurut Seksyen 149(4) Akta Insurans 1996, Pemegang Polisi/Anda dikehendaki mendedahkan kepada Kami, dengan sepenuhnya dan sejujurnya semua fakta yang Pemegang Polisi/Anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak polisi yang dikeluarkan mungkin terbatal.

## 11. MATAWANG DAN KADAR PERTUKARAN

Semua premium hendaklah dibayar di dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan bil yang dikemukakan adalah dalam matawang lain daripada Ringgit Malaysia, Kami akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran harga yang disebutkan (kadar pasaran terbuka sekiranya pasaran bebas, kadar rasmi sekiranya bukan pasaran bebas) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital.

## 12. WILAYAH GEOGRAFI

Semua manfaat yang disediakan dalam Polisi ini adalah terpakai di serata dunia berterusan selama dua puluh empat (24) jam sehari.

## 13. PENAMA

Jika polisi ini adalah atas nyawa Anda sendiri, anda boleh melantik penama untuk menerima manfaat Kematian Akibat Kemalangan dengan mengemukakan dokumen yang sesuai yang diberikan oleh Syarikat.

## 14. PEMBAHARUAN POLISI

Kami tidak bertanggungjawab untuk memberi notis pembaharuan kepada Orang Yang Diinsuranskan. Premium untuk pembaharuan Polisi ini hendaklah dianggap perlu dibayar pada tarikh Polisi ini tamat. Pembaharuan hanya akan menjadi sah apabila Kami menerima bayaran premium daripada Orang Yang atau ejen yang diberikuasa. Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur sembilan belas tahun (19).

## 15. PENGHUNI LUAR NEGARA

Tiada apa-apa manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan di luar Malaysia, jika Orang Yang Diinsuranskan itu tinggal atau melakukan perjalanan di luar Malaysia selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

## 16. PENAMATAN INSURANS

Polisi ini hendaklah ditamatkan apabila mana-mana yang berikut berlaku dahulu:

### a) Oleh Kami

Kami boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir Anda yang diketahui. Penamatan sedemikian akan berkuatkuasa tujuh hari selepas tarikh notis tersebut. Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, premium pro-rata akan dipulangkan kepada Anda dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans.

### b) Oleh Anda

Sekiranya Kami menerima notis penamatan daripada Anda, maka penamatan sedemikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh notis itu diterima atau pada tarikh yang ternyata dalam notis, yang mana terkemudian. Kami akan menyimpan premium mengikut jadual jangka pendek bagi tempoh Polisi telah berkuatkuasa dan Kami akan membayar balik kepada Anda bahagian yang belum tamat daripada tempoh Polisi dengan syarat tiada tuntutan pernah dibuat dalam tempoh insuran.

### Jadual Jangka Pendek

<u>Tempoh tidak Melebihi</u>	<u>Bayaran Balik Premium Tahunan</u>
15 hari	90% (terpakai untuk pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

### c) Penamatan Automatik

Polisi ini akan luput/tamat tepat jam 12.00 tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans.

---

## NOTIS PENTING

---

### FASAL TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka insurans ini adalah secara automatic batal dan tidak sah.

Ejen yang diberikuasa hendaklah menghantar premium dalam masa lima belas (15) hari bekerja selepas menerima premium sedemikian daripada Anda. Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang perlindungan dan/atau sebarang tuntutan yang disebabkan premium tidak dibayar kepada Kami.